

## Wacana Pembangunan / Discourses on Development

### Perlunya Pentakrifan Semula Ilmu Pembangunan

ABDUL RAHMAN EMBONG

Ucapan Balas Sempena Penganugerahan Profesor Emeritus (Sosiologi Pembangunan)  
oleh Universiti Kebangsaan Malaysia di Majlis Konvokesyen ke-37 UKM pada 18 Ogos 2009

Pada majlis bersejarah ini, izinkan saya dengan segala rendah hati berkongsi pandangan dengan para hadirin berhubung perkembangan ilmu pembangunan serta cabaran hari depannya yang saya rasa perlu ditangani oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai sebuah universiti penyelidikan yang terkehadapan dalam bidang ini. Izinkan saya meletakkan renungan ini dalam konteks pengalaman saya serta sejarah dan peranan UKM.

Pengembaraan saya di bidang ilmu tidak menuruti laluan biasa. Ia diwarnai pengembaraan seorang anak desa yang lahir pada hujung Perang Dunia Kedua dalam keluarga tani di sebuah negeri mundur di Semenanjung, menuntut ilmu di sekolah Melayu dan Inggeris di Kuala Terengganu, melebarkan sayap ke Maktab Tentera DiRaja, kemudian ke luar negara lantas terlibat dalam perdebatan pemikiran falsafah dan ilmu sosial serta kebangkitan pelajar di United Kingdom pada akhir 1960-an. Pada awal 1971, saya menjadi pendidik di Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM ketika Universiti ini baru berdiri, beralih haluan ke medan lain untuk satu masa, kemudian kembali semula ke dunia akademik sehingga kini setelah usia jauh melangkaui setengah abad.

Zaman yang saya lalui merentasi zaman membaranya api nasionalisme anti-kolonial demi Merdeka, zaman pengisian Kemerdekaan, zaman Dasar Ekonomi Baru (DEB), dan seterusnya zaman derugalasi, liberalisasi dan penswastaan pada akhir abad ke-20 serta zaman pascanya pada awal abad ke-21 dengan impak yang kompleks dan pelbagai dimensi ke atas kesepadan masyarakat dan ketahanan nasional. Lanskap tanah air bertukar wajah daripada ekonomi pertanian dan perlombongan menjadi ekonomi perindustrian dan perkhidmatan; daripada kampung tradisi kepada bandar dan bandaraya serta pemodenan desa; daripada masyarakat petani dan nelayan kepada masyarakat didominasikan kelas menengah dan kelas korporat di samping kelas pekerja – semuanya berlangsung dalam ruang sebuah negara berbilang kaum yang sedang cuba melakukan transformasi daripada status negara sedang membangun kepada negara maju menjelang 2020 dengan pelbagai cabaran dan dampak tidak terjangka – baik dalaman maupun

luaran – dalam dimensi ekonomi, politik, sosiobudaya dan agama.

Cabarannya yang dihadapi Malaysia justeru kerana cita-citanya mengejar negara maju dalam tempoh yang cukup pantas. Berbeza dengan negara-negara Barat yang transformasi industrinya didahului pemodenan budaya serta berlaku dengan rentak lebih perlahan melalui tempoh 100-200 tahun, Malaysia memampatkan masa kepada beberapa dekad sahaja dalam persekitaran persaingan dunia global yang begitu pantas berubah.

Sebagai pelajar dari negara baru merdeka, saya ceburi bidang sains sosial, khususnya Sosiologi Pembangunan pada pertengahan tahun-tahun 1960-an dengan harapan bidang tersebut dapat dimanfaatkan demi kemajuan rakyat dan negara. Sayangnya paradigme ilmu ini dipengaruhi ideologi Perang Dingin dan doktrin ‘bebas nilai’ yang tidak mencerminkan realiti dan aspirasi negara membangun. Justeru, pada awal tahun-tahun 1970-an, berlaku pertarungan paradigme yang sengit, dengan ilmuan pelbagai aliran di Malaysia terlibat di dalamnya. Dengan pegangan orientasi sains sosial perlu ditakrifkan semula, kami di Malaysia cuba mencari jalan keluar yang sesuai bagi negara membangun, berpandukan falsafah dan idealisme ‘ilmu bukan semata-mata untuk ilmu’, tetapi untuk kemajuan rakyat jelata dan tanah air serta untuk kebaikan umat manusia.

UKM sejak mula telah menjadi salah sebuah institusi terpenting memperjuangkan aliran ini dalam sejarah sains sosial. Inilah pendirian yang diambil oleh UKM khususnya Jabatan Antropologi dan Sosiologinya dalam pelbagai perdebatan yang kemuncaknya terjelma dalam Persidangan Kebangsaan Sains Sosial Malaysia yang pertama diadakan di negara ini di UKM, pada Ogos 1974, yang membawa penubuhan Persatuan Sains Sosial Malaysia empat tahun kemudian.

Daripada zaman kebangkitan ilmu pembangunan yang cukup meyakinkan dan menawan minda intelektual dan berpengaruh ke atas pembuatan dasar, dekad 1990-an dan dekad awal abad ke-21 menyaksikan keadaan sebaliknya, iaitu kepudarannya. Berdepan arus balik serangan balas neoliberal dan menanjaknya proses globalisasi berpacukan kuasa pasaran, perubahan berlaku bukan sahaja ke atas perspektif ilmu, tetapi

juga perspektif pemerintah terhadap peranannya dalam pembangunan. Peralihan ini memberikan dampak besar ke atas kedudukan ilmu pembangunan yang memerlukan pentakrifan semula posisinya berhubung jalan ke hadapan khususnya dari segi penteoriannya berhubung peranan pemerintah, pasaran, masyarakat sivil serta peranan universiti dan ilmuannya dengan mengambil kira peningkatan proses liberalisasi serta persaingan global dan serantau abad ini.

Pada hemat saya, ilmuan UKM khususnya sarjana pembangunan perlu menanggapi perubahan ini dengan bijak dan tuntas untuk maju ke hadapan. Pendekatan transformatif terhadap globalisasi dan negara-bangsa anjuran sejumlah ilmuan UKM khususnya IKMAS selama ini perlu diperdalam lagi bagi menerebosi ufuk ilmu. Ini menuntut kita berfikir bukan sahaja perkara yang biasa difikirkan, tetapi yang tidak terfikir, yang sukar difikirkan serta yang tidak terjangka. Kedudukan

ilmu pembangunan dalam gugusan nic UKM juga perlu diperteguh serta dipastikan kesinambungan dan keserlahan kepakarannya bagi menjamin mutu keberhasilannya. Kerjasama silang disiplin dan dialog berterusan antara ilmuan UKM dengan rakan-rakan dari dalam dan luar negara serta dengan pemerintah, industri dan masyarakat sivil perlu diinstitusikan dengan lebih mantap. Lebih penting, kedinamikan dan idealisme ilmu yang dulunya bersinar harus disuburkan kembali dan ditingkatkan di kalangan komuniti ilmuan.

Abdul Rahman Embong, PhD.

Felo Utama

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi, Selangor

Malaysia